

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HKA 101 Pengantar Kesusasteraan

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam EMPAT (4) muka surat

Jawab **EMPAT (4)** soalan, **DUA (2)** soalan daripada Bahagian A dan **SOALAN NO. 5 [a] atau [b] MESTI** dijawab dan **SATU (1)** soalan lain daripada Bahagian B. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Klasik (Jawab DUA (2) soalan)

1. Intelek, emosi, imaginasi dan teknik penyampaian merupakan unsur-unsur yang terdapat di dalam sesebuah karya sastera. Jelaskan maksud setiap unsur itu dan bincangkan kewujudannya di dalam **Cerita-Cerita Jenaka ATAU Hikayat Tamin al-Dari**.
2. Watak Seri Rama di dalam **Hikayat Seri Rama** merupakan seorang pejuang yang menegakkan kebenaran dan menghapuskan kezaliman. Bincangkan pendapat itu dengan mengambil kira persengketannya dengan Rawana dan hubungannya dengan Sita Dewi dan Babusanem.
3. Pilih sebuah karya historiografi Melayu tradisional kemudian bincangkan aspek kemasyarakatan yang terpancar di dalamnya terutama yang diperlihatkan melalui watak-watak utama.
4. [a] Pantun Budi

Puas sudah bertanam ubi
Nanas juga ditanam orang
Puas sudah menabur budi
Emas juga dipandang orang

[b] Mantera Pemanis

Duduk di pintu cahaya berseri,
Turun tangga cahaya melimpah,
Turun tanah cahaya berlari,
Naik pemanis darah titik ke muka aku,
Sekalian umat Muhammad memandang aku
Kasihan belas, kasih sayang, gila mabuk,
Gajah putih seberang laut
Lagi tunduk bawah tapak kaki aku
(si anu) kalau tidak tunduk bawah tapak kaki aku
Derhaka engkau kepada Allah,
Derhaka engkau kepada Muhammad,
Derhaka engkau kepada aku,
Berkat doa La illaha illallah.

- i. Nyatakan unsur-unsur keindahan yang terdapat di dalam puisi-puisi di atas.
- ii. Bincangkan pokok persoalan di dalam puisi-puisi tersebut sehingga dapat mencerminkan corak pemikiran masyarakat yang melahirkannya.

BAHAGIAN B - Teori (Sama ada SOALAN NO. 5 [a] atau [b] MESTI dijawab dan SATU (1) soalan lain)

5. SAMA ADA

- [a] Konsep genre atau jenis di dalam pengajian kesusasteraan digunakan bagi memudahkan pengkaji mengenali satu-satu hasil sastera atas dasar golongan tertentu. Huraikan konsep ini dan kemanfaatannya dari sudut kajian sastera.

ATAU

- [b] Walaupun novel dan cerpen menjadikan cereka dan perwatakan sebagai unsur-unsur utamanya, namun penekanan kedua-dua unsur tadi berbeza di dalam tiap-tiap genre berkenaan. Bincangkan.

6. Baca sajak 'Tukang Besi di Bengkel Keretapi' oleh Siti Zainon Ismail (lihat lampiran) dan berikan penilaian anda terhadap sajak ini, khususnya mengenai amanat dan pilihan katanya.

7. "Cerpen 'Al-Amin' oleh Fatimah Busu memperlihatkan kekuatan di dalam pengolahan plot ceritanya, padanya terdapat unsur kepaduan yang baik dan berkesan antara peristiwa mitos dengan realitas." (Laporan Panel Hadiah Sastera Malaysia 1984/85). Huraikan.

8. SAMA ADA

- [a] Novel Rimba Harapan oleh Keris Mas memperlihatkan berbagai jenis konflik. Bicarakan konflik-konflik ini dengan menekankan hubungkait di antaranya serta fungsinya bagi menghidupkan novel tersebut.

ATAU

- [b] Bicarakan novel Orang Tua Dengan Laut oleh Ernest Hemingway dari sudut konflik di antara protagonis dan antagonis. Apakah pada pandangan anda wujud kesan moral? Bicarakan.

LAMPIRAN

Siti Zainon Ismail

TUKANG BESI DI BENGKEL KERETAPI

dia lelaki muda dari lembah
tak sempat menatap mata ayah
menggenggam hidup warisan alam
menukul besi
menggelek tayar keretapi
wajah merah memain percikan bunga api
ia mengetuk bersama siul kenari dunia baru
menggiling percaturan nafas
tanpa mengenal jalur kesal
demi upah semangkuk sup pada awal bulan.

dia lelaki tiga zaman
telah dilengkungnya fajar kelabu
telah disilangnya keringat siang
dialah lelaki penakluk malam
menyentik hujan

silih berganti
jari kematunya masih mengetuk geriji
seperti juga setia dia
menghitung malam
di bengkel tua istirahat seminit berbantal besi-besi
dituangnya kopi sisa semalam
masih jua ia bertasbih
senyum mengenangi Dia.

sebatilah alam yang dihirup
darah keringat
demi anak-anak
bisakah satu ketika
putera sulung mengubah haluan?

tukang besi di bengkel keretapi
dialah ayahku
dialah pamanku
abang-abangku
itulah adik-adikku
tapi kalau kalian anak-anakku
kini, harus terdidik dari akademi tukang
yang tak lagi menjadi kuda tunggangan.

*Sentul
Mac 1984*

Dewan Sastera, Ogos, 1984